

# UMS Terpilih Jadi Rakan Kongsi Projek Biayaan EU

Oleh Julija B. Ag. Lamdan

Universiti Malaysia Sabah (UMS), terpilih sebagai salah satu rakan kongsi utama projek biayaan Kesatuan Eropah (EU) yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kesatuan itu serta dasarnya di Malaysia. Dikenali sebagai MYEULINK, ringkasnya bagi Malaysia-European Union Link (Hubungan Malaysia-Kesatuan Eropah), projek itu disokong Kementerian Pendidikan Tinggi.

Antara rakan kongsi yang lain terdiri daripada Universiti Malaya, University of Maastricht di Belanda, Universiti Putra Malaysia dan University of Nottingham UK. UMS memainkan peranan dalam menghoskan dan menyelaras pengajaran dan Pendidikan Tinggi berkaitan EU dalam sejarah dan Media, menyumbang terhadap penubuhan Community of Practice bagi institusi-institusi Malaysia/EU sebagai

wadah kepakaran dan amalan terbaik dalam pendidikan penting EU/Malaysia dan isu-isu dasar.

Pemilihan itu amat bermakna bagi UMS dari segi pengiktirafan tempatan dan antarabangsa ,kerana ramai ahli akademik dan pelajar Eropah datang untuk bekerja dan menjalankan penyelidikan, serta berkongsi perspektif benua mereka.

